

Tiada peralihan kuasa PM

**Pemuda UMNO
sifatkan
kenyataan
Mahathir tidak
konsisten**

**MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR**

SABAK BERNAM

Pemuda UMNO Selangor menjangkakan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan menyerahkan jawatan perdana menteri kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketuanya, Rizam Ismail berkata, sehingga kini,

tidak nampak sebarang keikhlasan antara kedua-dua pemimpin berkenaan.

“Tun Mahathir tidak akan memberikan kuasa perdana menteri ini kepada Anwar kerana sememangnya mereka musuh sejak dari dulu lagi.

“Tetapi hanya kerana mengejar kuasa, mereka berpura-pura terbaik, namun saya cukup yakin rakyat tidak mudah ditipu,” katanya pada Program Penyerahan Bubur Lambuk di hadapan Pejabat ADUN Sungai Air Tawar di sini semalam.

Rizam yang juga ADUN Sungai Air Tawar berkata, meskipun Mahathir berjanji akan berundur dan memberi kuasa kepada Anwar, namun kenyataan



Rizam (kanan) bersama penduduk pada Program Penyerahan Bubur Lambuk di hadapan Pejabat ADUN Sungai Air Tawar di sini semalam.

Mahathir sering kali tidak bersifat konsisten.

“Saya lihat perdana menteri melaksanakan apa

yang terlintas difikiran pada ketika itu mengikut populariti semata-mata.

“Misalnya, banyak per-

kara dari segi keperluan rakyat semakin mendesak gagal diperjuangkan, malah prestasi PH gagal sepan-

jang setahun mereka menadbir negara,” katanya.

Beliau berkata, antara kelemahan itu termasuk pendapatan negara semakin merosot, kekurangan pelabur di samping kos sara hidup rakyat yang tinggi.

“Selain itu, kita dapati masalah pengangguran semakin meruncing,” katanya.

Rizam katanya turut bersetuju dengan kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi yang memberi markah 1.5 daripada 10 selepas setahun pentadbiran PH.

“Memang Itulah taraf yang patut diberi malah pengundi dan dunia juga turut meletakkan penurunan dari segi pencapaian kerajaan PH,” katanya.